

# UMS adakan PRK Maya 18 Disember

UB 18.12.2020 P.18

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan pilihan raya kampus (PRK) secara dalam talian pada 18 Disember ini bagi memilih Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2020/2021.

Initermasuk sesi penamaan calon, kempen pilihan raya yang berlangsung selama tiga hari bermula 15 Disember, sesi pembuangan undi pada 18 Disember dan pengumuman keputusan pada 19 Disember.

Menurut sumber daripada Jawatankuasa PRK UMS, sejumlah 15 calon akan bertanding merebut tujuh kerusi umum di kampus induk UMS, manakala tiga calon akan bertanding bagi mengisi dua kerusi di UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Bagi satu kerusi di UMS Kampus Sandakan, pelajar Fakulti Pertanian Lentari, Yadan Yacob diisytiharkan menang tanpa bertanding.

Untuk kerusi Fakulti, seramai 31 telah disahkan layak untuk bertanding bagi 22 kerusi yang diperuntukkan.

Daripada jumlah tersebut, sembilan calon diisytiharkan menang tanpa bertanding di fakulti masing-masing, melibatkan dua kerusi Pusat Pengajian Pascasiswazah, dua kerusi Fakulti Kejuruteraan, dua kerusi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, dua kerusi Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, dan satu kerusi Fakulti Komputeran dan Informatik (Kampus Kota Kinabalu).

Sekelompok pilihanraya untuk para calon yang bertanding juga memperuntukkan slot pidato rapat umum bagi setiap calon mengikut jadual yang ditetapkan melalui platform laman Facebook rasmi

Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus Universiti Malaysia Sabah.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin memaklumkan, selain dipalakan secara atas talian, PRK pada kali ini juga buat julung kalinya diendalikannya sendiri oleh siswa-siswi sebagai satu usaha UMS dalam memperkasakan para pelajar UMS.

Menurut beliau, Pilihan Raya Kampus sememangnya proses yang penting dalam memilih barisan Pimpinan Perwakilan Pelajar Baharu UMS, dan para pelajar berperanan dan bertanggungjawab dalam pemilihan itu sendiri.

"PRK ini dapat mewujudkan semangat demokrasi pelajar bagi memilih pemimpin pelajar yang berwibawa dan mampu membawaperubahan kepimpinan pelajar ke arah jati diri yang tinggi dengan kepimpinan.

"PRK merupakan suatu proses yang penting dan perlu dilaksanakan di setiap IPT kerana PRK adalah platform dalam meneruskan nadi



**AMALGAM:** Taufiq ketika berucap pada sesi pengumuman calon yang bertanding pada PRK UMS.

kepimpinan dalam kampus," katanya ketika berucap pada sesi pengumuman calon PRK UMS di Galeri Majlis.

Ujar Taufiq, walaupun keutamaan siswa-siswi adalah kepada kemajuan akademik masing-masing, namun mereka juga digalakkan bergiat aktif dalam bidang kepimpinan sebaham mencaburi dunia luar yang lebih mencabar kelak.

Pembentukan Kabinet MPP Sesi 2020/2021 dijangka akan dimuktamadkan pada 20 Disember ini.



**UMULU: SETIA:** Salah seorang umsetia PRK membuat semakan borang perumahan calon yang telah dihantar.



**TUNJALAH:** Taufiq meninjau sesi penamaan calon yang berlangsung secara dalam talian.